



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20/12/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Baki 11 hari daftar Skim Air Darul Ehsan



Abdul Halem (tiga dari kiri) bergambar bersama Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Datuk Baharom Mahusin (dua dari kiri) dan warga kerja *Sinar Harian* serta Air Selangor ketika mengadakan kunjungan ke Kompleks Kumpulan Karang kraf di Seksyen 15, Shah Alam semalam.

SHAH ALAM - Berbaki 11 hari sahaja lagi pengguna di Selangor yang layak boleh mendaftar Skim Air Darul Ehsan bagi menikmati manfaat program pemberian air percuma 20 meter padu pertama itu bermula Mac depan.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, sebelum ini pihaknya menyasarkan 600,000 daripada keseluruhan 1.6 juta pengguna mendaftar skim itu namun sehingga kini masih belum mencapai sasaran.

Menurutnya, sehingga kini tidak sampai 100,000 pengguna di Selangor mendaftar skim berkenaan meskipun tarikh tamat permohonan pada 31 Disember ini hanya tinggal beberapa hari saja lagi.

"Kami gesa penduduk di bawah kelompok golongan berpendapatan ren-

dah (B40) segera daftar skim ini sebelum tempoh permohonan ditutup," katanya kepada *Sinar Harian* ketika mengadakan kunjungan ke Kompleks Kumpulan Karang kraf di Seksyen 15 di sini semalam.

Abdul Halem berkata, pihaknya khuatir ada pengguna yang layak tidak menerima manfaat air percuma itu sekiranya tiada permohonan dibuat dalam tempoh masa ditetapkan.

Katanya, mungkin ada yang tidak mendaftar kerana tidak mendapat maklumat berhubung perkara tersebut.

Menurut Abdul Halem lagi, mereka yang belum mendaftar boleh berbuat demikian dengan melayari laman sesawang www.ssipr.selangor.gov.my atau mengisi borang permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan yang boleh dimuat turun menerusi laman sesawang www.airselangor.com.